

Peneroka ditemui mati lemas selepas dipercayai terperangkap di kawasan lubuk

Sungai Pahang cetek tapi bahaya

TEMERLOH - Seorang peneroka ditemui mati lemas semalam iaitu selepas 10 jam dia dilaporkan hilang ketika menjala ikan bersama tiga rakannya di Sungai Pahang berhampiran Kampung Seboi, Kuala Krau di sini.

Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah Temerloh, Hasanuddin Hussein berkata, mayat Azmil Salleh, 36, dari Felda Jengka 21, ditemui kira-kira pukul 10 pagi selepas dilaporkan hilang pukul 1 pagi.

Mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di sini untuk dibedah siasat.

"Mayat mangsa ditemui di dasar sungai itu pada kedalaman dua meter, kira-kira 50 meter dari kawasan mangsa dilaporkan hilang sebelum ini," kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa sebelum itu telah pergi ke sungai berkenaan pada pukul 1 pagi untuk menjala ikan bersama tiga lagi rakannya dengan menaiki bot.

"Ketika sedang menjala, jaringnya tersangkut menyebabkan mangsa turun ke sungai sebelum tiba-tiba hilang dipercayai termasuk di kawasan lubuk.

"Tiga rakannya cuba mencari mangsa, namun



KESAN El Nino melanda negara menyebabkan Sungai Pahang di daerah Temerloh semakin cetek tetapi orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati kerana sungai di situ banyak kawasan berlubuk.

gagal disebabkan faktor keadaan gelap di kawasan kejadian menyebabkan

mereka kemudian melaporkan kejadian itu kepada pihak berkuasa,"

Sungai Pahang makin cetek boleh undang bahaya



TEMERLOH - Orang ramai khususnya penduduk di pinggir Sungai Pahang dinasihatkan supaya tidak terbalah apabila menaiki bot di sungai berkenaan yang semakin cetek kerana cuaca panas dan beratu yang sedang melanda region.



perlu Kuala Mel di Kuala Krau, Pulau Pinang, Marak, Pulau Pangkor, Kempong Teluk Selayang, Seberang Ulu, Lelaki hingga ke Kempong Durian Temerloh di sempadan Perak.

KERATAN Kosmo! 31 Mac 2016.

kata beliau.

Sementara itu, Hasanuddin mengingatkan orang ramai supaya mengelakkan daripada mandi, mencari ikan, etak ataupun remis di sungai ketika musim kemarau di Sungai Pahang kerana ia boleh mengundang bahaya termasuk lemas.

Katanya, walaupun keadaan air sungai cetek, namun terdapat banyak kawasan pasir jerlus dan

lubuk yang boleh membahayakan termasuk kepada mereka yang pandai berenang.

"Jika berlaku sebarang kejadian tidak diingini terutama kes lemas, kita minta mereka yang terlibat supaya menghubungi pihak berkuasa dalam kadar yang segera bagi membolehkan kita mengambil tindakan yang pantas untuk menyelamatkan," kata beliau. - Bernama